

21 DEC 2002

Agong-Aidilfitri (Bergambar)

AGONG LANCAR RUMAH TERBUKA AIDILFITRI KEBANGSAAN

JITRA, 21 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail malam ini melancarkan Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat kebangsaan dalam suasana penuh warna warni dan menyerlahkan semangat perpaduan rakyat berbilang kaum.

Dianggarkan lebih 200,000 orang rakyat berbilang kaum mengunjungi majlis berkenaan sejak ia dimulakan mulai 6 petang tadi.

Selain itu majlis berkenaan yang berlangsung di Taman Tasik Bandar Darulaman, Jitra mencatatkan sejarah apabila turut dihadiri Perdana Menteri Thai Thaksin Shinawatra, para anggota kabinet negara itu dan kira-kira 20,000 penduduk negara jiran berkenaan.

Turut hadir di pihak Malaysia ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan para anggota jemaah menteri.

Kejayaan mengumpulkan pemimpin dari dua negara bagi menghadiri satu perayaan merupakan satu perkara yang mungkin tidak pernah, ataupun jarang berlaku di negara lain.

Sebanyak 500 delegasi asing yang terdiri daripada wartawan dan jurugambar Jepun, Singapura, Thailand, Taiwan, Turki, Arab Saudi, Perancis dan Sepanyol serta para wakil agensi pelancongan luar negara, dijemput khas bagi memberi gambaran sebenar kepada mereka tentang keindahan dan kepelbagaian budaya di negara ini.

Selepas ucapan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan diiringi Sultan Kedah melakukan gimik pembukaan.

Baginda berdua memasukkan ketupat pulut yang dibungkus dengan daun palas ke dalam periuk yang kemudiannya replika ketupat pulut gergasi di hadapan pentas utama mulai terbelah dua dan mengeluarkan ketupat pulut ke kawah di bawahnya dan serentak dengan itu ruang udara diterangi dengan bunga api.

Ketupat pulut yang dibalut dengan daun palas merupakan makanan istimewa bagi penduduk di negeri sebelah utara pada hari raya.

Para hadirin kemudiannya dihiburkan dengan tarian yang menggambarkan kepelbagaian budaya di negara ini.

Selain itu persembahan penyanyi terkenal seperti kumpulan KRU, Erra Fazira dan Siti Nurhaliza mencuri perhatian para pengunjung. Pelawak Maidin, Pie dan Kartina Aziz tidak ketinggalan mempersembahkan sketsa raya yang mencuit hati para penonton.

Dr Mahathir yang menyambut hari jadi yang ke-77 semalam, turut dikejutkan dengan hadiah pulut kuning yang disampaikan kepada beliau secara tradisional.

Sekumpulan pelajar kursus hotel dan katering dari Kolej Komunikasi Sungai Petani mengusung pulut kuning berkenaan di dalam sebuah tandu ke pentas utama dan Dr Mahathir dengan diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Thaksin, Abdul Kadir dan Syed Razak menerima pulut kuning berkenaan.

Serentak dengan itu para hadirin menyanyikan lagu "Happy Birthday" dan "Selamat Hari Jadi" diikuti dengan permainan bunga api yang membentuk perkataan "Happy Birthday Dr M".

Majlis diakhiri dengan lagu "Malaysia Truly Asia" yang dipersembahkan oleh artis Istana Budaya yang diikuti dengan letupan bunga api yang membentuk perkataan "Daulat Tuanku".

Terdahulu, ketibaan baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Sultan dan Sultanah Kedah disambut oleh Abdul Kadir.

Ketibaan rombongan diraja itu pada pukul 9.50 malam disambut dengan penuh adat istiadat Melayu dengan diiringi diiringi kumpulan hulubalang, kumpulan pembawa bunga manggar dan bunga emas.

Ini diikuti dengan pancaragam Polis Diraja Malaysia (PDRM) memainkan lagu Negaraku.

Pelbagai jenis makanan dihidangkan untuk seperti ketupat, bahu, lempang, rendang, nasi himpit, laksa dan roti jala.

Orang ramai mula datang sejak pukul 5 petang dengan bas dan kereta yang diletakkan di kiri kanan lebuh raya sehingga ada engunjung yang terpaksa berjalan kaki sejauh 5 km.

Bas-bas disediakan bagi memudahkan orang ramai berkunjung ke majlis berkenaan.

Sementara bagi penduduk Thailand yang datang itu, difahamkan mereka dapat pulang ke negara mereka pada malam ini juga, sebab pintu sempadan di Bukit Kayu Hitam, yang terletak 25 km dari tempat berlangsungnya majlis itu, di buka 24 jam.

Cuaca yang baik semasa majlis berlangsung dapat memastikan segala acara yang disusun berjalan dengan lancar.

-- BERNAMA

Team HM